

PM akan lancar telefon dail terus ke India akhir bulan

KUALA LUMPUR, Rabu — Hubungan telefon dail terus antara Malaysia dengan India akan dilancarkan dengan rasminya oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, akhir bulan ini sempena perayaan Hari Kebangsaan yang ke 24.

Menurut sumber Jabatan Telekom Malaysia, satu kenyataan rasmi berkenaan dengan pelancaran itu akan dikeluarkan tidak lama lagi.

Menurutnya, kabel dasar laut dari Pulau Pinang ke Madras yang mempunyai 480 saluran telefon telah siap dipasang dan dapat digunakan dari sekarang.

Singgah

"Ini bermakna hubungan telefon dail terus antarabangsa yang pertama bagi Malaysia yang akan merapatkan lagi perhubungan di antara kedua negara," ujarnya.

Kabel dasar laut Pulau Pinang-Madras itu merupakan projek Komanwel Lautan Hindi Sedunia dan mula dijalankan sejak setahun yang lepas.

Kerajaan Persekutuan mendapat tanah seluas 100 ekar di Kuala Muda, Kedah untuk didirikan pusat perhentian terakhir kabel dasar laut

itu.

Projek yang menelan belanja \$30 juta itu termasuklah pembinaan sebuah stesen penyiaran radio awam yang akan memudahkan lagi perhubungan kapal-kapal laut yang singgah di pelabuhan Pulau Pinang.

Dengan terlancarnya kabel dasar laut ini, menandakan teknologi telekomunikasi Malaysia maju setapak lagi setelah kabel dasar laut yang pertama dilancarkan tahun lalu menghubungkan Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak.

Hubungan telefon dail terus ke Sabah dan Sarawak dirasmikan oleh bekas Perdana Menteri Tun Hussein Onn pada 31 Ogos tahun lalu sempena dengan perayaan kemerdekaan.

Menurut sumber itu lagi pelancaran panggilan telefon dail terus ke Madras, juga akan dirasmikan pada masa yang sama tahun ini.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia